

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021(KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) kedudukan Malaysia mengenai AUKUS; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil atau akan diambil untuk memastikan kawasan perairan kita bebas daripada penyebaran senjata nuklear seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian terkini Kerajaan Malaysia berhubung AUKUS tetap konsisten dengan pendirian yang telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini, yang mana pembentukan AUKUS melahirkan kegusaran kerana ia berpotensi mengganggu gugat keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Ia juga bakal memprovokasi kuasa-kuasa lain untuk turut bertindak lebih agresif di rantau ini terutama di Laut China Selatan.

Pendirian ini tidak berganjak walaupun selepas pertemuan antara Menteri Kanan Pertahanan dengan Utusan Khas Australia, Vice Admiral David Johnston baru-baru ini. Dalam pertemuan tersebut Malaysia telah

menegaskan bahawa ianya tidak mahu diheret dalam geopolitik pertimbangan kuasa-kuasa besar dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sentiasa mengambil perhatian yang tinggi terhadap keselamatan kawasan perairan negara. Pendirian Malaysia mengenai perlunya kawasan Asia Tenggara bebas dari senjata nuklear sentiasa disuarakan dalam platform-platform kerjasama dua hala mahu pun pelbagai hala.

Suka ditekankan, sebagai negara ASEAN, Malaysia terus memegang prinsip akan mengekalkan ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan mendokong kepada Southeast Asian Nuclear Weapon Free Zone Treaty (SEANWFZ) 1995. Setiap negara mesti menghormati prinsip ini dan pendirian Malaysia terhadap zon bebas senjata nuklear Asia Tenggara. Selain daripada itu Malaysia juga telah menetapkan semua kapal perang berkuasa nuklear yang berhasrat memasuki wilayah perairan Malaysia perlu mendapat persetujuan khas terlebih dahulu.

Malaysia juga telah menandatangani Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear 2017 (*Treaty on The Prohibition of Nuclear Weapons – TPNW*) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 7 Julai 2017 dan meratifikasikannya pada 30 September 2020. Perjanjian ini bertujuan untuk menggerakkan inisiatif perlucutan senjata nuklear di peringkat antarabangsa yang mana menunjukkan komitmen dan sokongan kuat Malaysia untuk penghapusan senjata nuklear secara menyeluruh.

Terima kasih.